

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PEMBUKAAN MESYUARAT AGUNG, LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM ,  
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, (UCAPAN INI DIBACAKAN OLEH YANG BERBAHAGIA DATIN  
MARIA MUSA)  
Lokasi : BANGUNAN TUNKU PUAN BESAR KURSI AH, JALAN PANTAI BARU, KL.  
Tarikh : 04-06-1982

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kursiah;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam;

Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya menyampaikan rasa dukacita Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah kerana tidak dapat hadir bersama puan-puan sekalian. Yang Amat Berbahagia Datin Seri sedang mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam lawatan rasmi ke Kepulauan Pasifik.

Saya telah diamanahkan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah untuk menyampaikan ucapan beliau di Mesyuarat Agung ini. Berikut ialah teks ucapan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

2. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kursiah dan semua Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam kerana sudi menjemput saya ke Majlis ini, dan di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan pembukaan Mesyuarat Agung Ke-21 Lembaga ini.

3. Kita di Malaysia dapat berbangga dengan wujudnya beberapa pertubuhan wanita yang giat menjaga kebajikan wanita. Lembaga Kebajikan Perempuan Islam merupakan salah satu pertubuhan yang aktif untuk meninggikan taraf kebajikan dan membaiki kehidupan wanita-wanita Islam di negara kita.

Lembaga ini mempunyai cawangan-cawangan di semua negeri di Semenanjung dan aktiviti-aktivitinya bertambah dari masa ke masa. Adalah diharapkan perkembangan ini akan berterusan.

4. Selaras dengan kemajuan yang ditempa oleh Lembaga puan-puan ini, saya berpendapat bahawa sudah tibalah masanya untuk Lembaga ini memikirkan dengan serius kemungkinan meluaskan aktiviti-aktiviti Lembaga ke Sabah dan Sarawak.

Wanita-wanita Islam di kedua negeri itu, seperti wanita-wanita Islam di Semenanjung, adalah memerlukan pertubuhan-pertubuhan yang kukuh bagi membela nasib mereka. Saya yakin kemunculan Lembaga ini di Sabah dan Sarawak akan dialu-alukan oleh wanita Islam di kedua-dua buah negeri itu.

Semoga dengan berkembangnya Lembaga ini ke Sabah dan Sarawak akan merapatkan lagi silaturrahim antara semua wanita-wanita Islam di seluruh negara. Bahkan hubungan itu telah pun dijalinan oleh Lembaga ini sendiri melalui Pergerakan Puteri Islam -- satu pergerakan yang ditubuhkan oleh Lembaga ini untuk membimbing wanita-wanita muda Islam -- yang merangkumi juga Sabah dan Sarawak. Sekiranya Pergerakan Puteri Islam di bawah naungan Lembaga ini telah meliputi Sabah dan Sarawak, eloklah juga rasanya Lembaga ini sendiri diluaskan kepada kedua buah negeri itu.

5. Mengenai Pergerakan Puteri Islam, saya difahamkan pergerakan yang dilancarkan pada tahun 1981 yang lalu itu telah mempunyai lebih 10,000 orang ahli di lebih 260 buah sekolah menengah di seluruh negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga ini atas sambutan yang sangat menggalakkan itu. Kegiatan seperti ini adalah perlu untuk membimbing generasi muda kita kearah kemajuan tanpa melupakan ajaran dan nilai-nilai agama Islam yang suci.

6. Adalah penting wanita muda kita diberi asuhan dan pendidikan Islam supaya berakhlak mulia. Asuhan dan didikan seperti ini adalah bertambah penting di zaman pembangunan yang pesat ini. Berbagai pengaruh zaman ini menjadikan jiwa kebanyakan wanita-wanita muda kita senang terumbang-ambing tanpa haluan yang tetap. Penubuhan Pergerakan Puteri Islam ini akan dapat menyalurkan tenaga Lembaga ini untuk membantu wanita-wanita muda kita menuju ke jalan yang diredhai oleh Allah subhanahu wataala di samping mencapai kemajuan di dunia ini. Selain daripada bimbingan rohaniah, saya percaya Pergerakan Puteri Islam akan dapat juga mengatur kegiatan sukan bagi ahli-ahlinya. Saya mengucapkan syabas dan berharap kegiatan-kegiatan lain seperti kerja amal dan latihan kerjatangan akan juga digalakkan. Dengan itu saya berharap bukan sahaja wanita-wanita Islam yang di bangku sekolah menengah yang akan menjadi ahli Pergerakan Puteri Islam ini, tetapi juga wanita-wanita muda yang bekerja dan yang tidak bekerja akan turut menjadi ahli. Adalah diharap wanita-wanita muda kita akan menyedari pentingnya melibatkan diri dalam pergerakan yang murni ini.

7. Di samping itu ahli-ahli jawatankuasa Pergerakan Puteri Islam mungkin dapat mengkaji cara-cara untuk meluaskan lagi pergerakan ini di kilang-kilang di mana terdapat ramai wanita-wanita muda Islam bekerja. Tempat-tempat bekerja seperti inilah, pada pandangan saya, yang memerlukan pertubuhan yang kukuh untuk memandu wanita-wanita muda kita mengamalkan ajaran-ajaran Islam untuk kemakmuran hidup di dunia dan di akhirat.

Puan-puan sekalian.

8. Saya ingin menyentuh sedikit tentang aktiviti-aktiviti Lembaga Kebajikan Perempuan Islam ini. Selama lebih 20 tahun Lembaga ini telah menumpukan perhatian kepada hal-ehwal wanita-wanita Islam melalui kerja-kerja amal, membantu mereka yang perlukan bantuan, mengendalikan kelas-kelas agama untuk memperkukuhkan ajaran dan syiar Islam, menganjurkan kursus-kursus dan berbagai kerja dan usaha untuk faedah wanita-wanita Islam. Semua kegiatan ini dikendalikan dengan jayanya oleh ibu pejabat Lembaga ini, dan melalui 11 cawangan di semua negeri di Semenanjung dan berapa ranting di peringkat

daerah. Saya berpendapat aktiviti-aktiviti yang dijalankan setakat ini adalah sangat-sangat memuaskan.

9. Walau bagaimanapun saya yakin Lembaga ini mempunyai keupayaan untuk meluaskan aktiviti-aktivitinya kepada semua daerah. Dengan cara ini kegiatan Lembaga di mukim-mukim dan di luar bandar akan juga bertambah giat dan dinikmati oleh wanita-wanita Islam di luar bandar. Wanita-wanita di bandar lebih maju, bahkan wanita-wanita Islam yang terpelajar dari luar bandar akhirnya menetap dan bertumpu di bandar. Dengan itu mungkin perkembangan Lembaga di peringkat daerah-daerah akan mendekati beberapa projek amal Lembaga ini kepada wanita-wanita, khususnya ibu-ibu di luar bandar. Saya yakin wanita-wanita Islam yang berpelajaran dan bertugas di luar bandar - seperti guru-guru wanita dan guru-guru TADIKA - akan dapat memainkan peranan utama di peringkat ini.

Puan-puan sekalian.

10. Ibadat dalam Islam adalah kegiatan kita yang bukan sahaja mendatangkan kesejahteraan di akhirat tetapi juga di dunia ini. Mengasuh anak-anak kita, menjaga rumah tangga supaya bersih dan kemas untuk keselesaan seluruh keluarga, dan menjalankan kerja atau berniaga untuk menambahkan pencarian keluarga adalah ibadat yang bukan sahaja kita nikmati di dunia, tetapi juga di akhirat nanti. Dengan itu menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk menambahkan ilmu pengetahuan hidup di dunia, dan tidak menyeleweng dari ajaran Islam, patut juga digalakkan oleh Lembaga ini untuk ahli-ahlinya. Saya yakin Lembaga ini mungkin dapat meneliti dan merancang beberapa aktiviti yang dimaksudkan tadi selain dari aktiviti agama.

11. Saya berdoa semoga perbincangan puan-puan di Mesyuarat Agung ini akan menelurkan lebih banyak aktiviti yang berfaedah untuk ahli-ahli Lembaga ini. Di mesyuarat tahunan ini juga, puan-puan dapat mengkaji kejayaan dan kelemahan yang telah dialami oleh Lembaga selama ini. Saya berdoa semoga segala pertimbangan dan keputusan di Mesyuarat Agung ini direstui Allah Subhanahu Wataala.

12. Dengan kata-kata itu saya, dengan nama Allah yang Maha Kuasa lagi Mengasihani, membuka Mesyuarat Agung Lembaga Kebajikan Perempuan Islam yang ke-21 ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik, walhidayah, wasaalamu 'alaikum, warahmatullahi wabarakatuh.